



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KPWK M BIL.2/2017

TEMA: "NEGARAKU SEHATI SEJIWA"

DEWAN PERDANA NUR, KPWK M

22 OGOS 2017

(SALUTASI)

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNYA dapat kita berhimpun di Majlis Perhimpunan Bulanan Kedua KPWKM bagi tahun 2017. Sempena bulan kemerdekaan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan salam kemerdekaan buat semua warga KPWKM. Marilah kita bersama-sama mensyukuri nikmat yang dikurniakan, dilahirkan dalam sebuah negara yang merdeka dan aman damai. Marilah kita berdoa agar kemerdekaan yang dinikmati akan terus membawa kepada kemakmuran, kesejahteraan dan membolehkan kita terus menikmati kehidupan yang diberkati dan cemerlang.

TEMA PERHIMPUNAN - NEGARAKU SEHATI SEJIWA

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

2. Tahun ini Malaysia meraikan Hari Kebangsaan yang ke-60. **Negaraku Sehati Sejiwa** telah dipilih sebagai tema sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini. Saya kira tema ini cukup dalam maksudnya untuk kita selami sebagai seorang rakyat dan lebih-lebih sebagai seorang penjawat awam. Untuk menjadikan negara kita maju dan makmur serta rakyatnya menikmati kejayaan ini, setiap individu perlu meletakkan **HATI** dan **JIWA** mereka dalam apa jua yang mereka lakukan.

3. Bukan saja meletakkan HATI dan Jiwa dalam apa yang kita lakukan, malah, Sehati Sejiwa mencerminkan Kesepaduan, Kesefahaman, Kekitaan dan **HATI dan Jiwa** menjadi **SATU** bagi seluruh rakyat di Malaysia dalam melakukan apa jua demi negara. Sehati Sejiwa juga melambangkan semangat kesepaduan yang dimiliki oleh semua rakyat tidak kira di mana mereka berada. Rasa sayangkan negara perlu ditanamkan di setiap hati dan minda individu bergelar warganegara Malaysia.

4. Saya menyeru semua warga KPWKM supaya menyelami makna sebenar tema Hari Kebangsaan tahun ini. Saya meminta supaya semua bekerjasama sebagai satu pasukan, **SEHATI dan SEJIWA** dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasaran kita. Wanita, Kanak-kanak, Warga Emas, Orang Kurang Upaya tidak boleh dipisahkan daripada keluarga. Institusi keluarga adalah unit yang paling asas dalam masyarakat dan kita perlu **PASTIKAN** keluarga di Malaysia dalam keadaan sihat dan berdaya maju supaya anggota keluarga dapat menyumbangkan bakti mereka kepada negara.

PROGRAM #NEGARAKU KeluargaBahagia KPWKM

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

5. Pada tahun 2017, KPWKM telah merangka satu inisiatif yang holistik sebagai langkah proaktif dan platform untuk saya selaku Menteri, warga KPWKM serta agensi bertemu dan berinteraksi dengan kumpulan sasaran melalui Program **#NEGARAKU_KeluargaBahagia_KPWKM**. Program berkonsepkan turun padang ini membolehkan kita meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam melalui strategi memperluas jangkauan perkhidmatan dengan penglibatan bersama rakyat secara terus dan bersemuka. Program ini juga membuka peluang kepada KPWKM dalam memperkukuh hubungan

dengan kumpulan sasar serta menyebar luas perkhidmatan, peranan, fungsi, inisiatif baharu serta cadangan penambahbaikan amalan standard dan prosedur sedia ada.

6. Program #NEGARAKU_KeluargaBahagia_KPWKM ini melibatkan semua kumpulan masyarakat tanpa mengira agama, kaum dan perbezaan warna kulit. Program ini juga bersifat menyeluruh bagi memastikan pekan-pekan kecil, kawasan perkampungan dan rumah panjang tidak ketinggalan. Keterangkuman ini dapat mengukuhkan semangat perpaduan di kalangan rakyat khususnya kumpulan sasar KPWKM dan adalah selari dengan aspirasi Hari Kebangsaan dengan tema **Negaraku Sehati Sejiwa**.

RANG UNDANG2 KEGANASAN RUMAH TANGGA (PINDAAN) 2017

7. Di kesempatan ini juga saya ingin memaklumkan bahawa pada 14 Ogos 2017, Rang Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 telah diluluskan oleh Dewan Negara. Pindaan Rang Undang-Undang ini adalah tepat pada masanya memandangkan kes keganasan rumah tangga di Malaysia yang semakin meningkat. Lima (5) perkara utama yang diberikan perhatian dalam Rang Undang-Undang ini adalah memperluaskan tafsiran keganasan rumah tangga, perintah perlindungan kecemasan (EPO), pemberian hak penghunian eksklusif kediaman bersama kepada mangsa, memperkenalkan program pemulihan dan menambah baik perintah IPO dan PO.

INFO JKM

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

8. Info JKM adalah satu aplikasi yang dibangunkan secara *mobile* bagi memudahkan penyampaian dan semakan maklumat kepada orang awam. Aplikasi ini merupakan salah satu inisiatif yang diwujudkan secara berfasa untuk membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat berkenaan perkhidmatan JKM yang kerap digunakan dengan mudah. Bagi Fasa Pertama, aplikasi yang dibangunkan ialah Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan (PSK) yang menerima geran dan status Pusat Jagaan. Manakala bagi Fasa Kedua, TASKA dan Program 2 Year Exit Program (2 YEP). Aplikasi ini dilengkapi dengan kemudahan carian, navigasi, perkongsian, paparan gambar dan berhubung melalui panggilan terus dan emel.

BULAN KEBAJIKAN NEGARA 2017

9. KPWKM melalui JKM akan mengadakan Program Bulan Kebajikan Negara 2017. Majlis Pra pelancaran akan diadakan pada 10 September 2017 di Bagan Datuk, Perak dan acara kemuncak Majlis Perasmian Bulan Kebajikan Negara 2017 akan diadakan pada 1 Oktober 2017 di PLPP Bangi. Program ini merupakan inisiatif KPWKM untuk menjadikan Hari Kebajikan Negara sebagai platform kolaborasi strategik dan manifestasi kerjasama multisektoral di antara kementerian/agensi kerajaan, NGO dan syarikat korporat untuk kesejahteraan kumpulan sasaran berdasarkan peranan KPWKM khasnya kumpulan sasaran yang berada di bawah JKM.
10. Tema yang dipilih bagi sambutan tahun ini ialah “**Memperkukuh Inklusiviti Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat**” yang membawa maksud kerjasama multisektoral dan kolaborasi strategik semua pihak dalam menyumbang kreativiti, fasiliti, idea, barang keperluan dan sebagainya kepada kumpulan sasaran Jabatan dan Kementerian.

ANUGERAH INOVASI KEBANGSAAAN

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

11. Tahniah dan syabas kepada Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) oleh JKM dan Inisiatif Inovasi MamaCare Program Penjagaan Ibu Selepas Bersalin oleh LPPKN yang telah disenarai pendek daripada 110 penyertaan keseluruhan. Kedua-dua program ini telah terpilih untuk penilaian Jawatankuasa Pencalonan Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2017 dan telah membuat sesi pembentangan di MAMPU pada 15 Ogos 2017 yang lalu.

12. Sama-samalah kita berdoa agar kedua-dua program di bawah KPWKM yang disenarai pendek ini akan terpilih ke peringkat Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan seterusnya diperakukan oleh YAB Perdana Menteri sebagai pemenang anugerah pada bulan Oktober 2017. Untuk makluman semua, hadiah yang ditawarkan ialah sangat lumayan iaitu hadiah wang tunai berjumlah RM1 juta.

ANUGERAH HARTA INTELEK PLPP

13. Saya sekali lagi merasa bangga terhadap pencapaian PLPP Bangi yang telah diumumkan sebagai pemenang pingat gangsa pada 18 Julai 2017 yang lalu bagi kategori Reka Bentuk Perindustrian Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) 2017 bagi projek *F1 Wheelchair*. Ini bermakna dengan kemenangan ini, bukan sahaja hadiah berbentuk wang tunai dan piala menjadi sandaran pengiktirafan tetapi yang paling utama ialah sijil penghargaan yang diiktiraf oleh ***World Intellectual Property Organisation (WIPO)***. Syabas PLPP Bangi.

14. Selaras dengan semangat Bangkit Bersama sempena Kuala Lumpur 2017, acara Sukan Sea yang sedang berlansung ketika ini, saya juga ingin menyeru agar sama-sama kita memberikan sokongan buat para atlet yang turut terlibat dalam Para Asean ke-9. Mereka ini telah merupakan antara kumpulan sasar utama kementerian dan telah membuktikan bahawa kekurangan bukanlah halangan untuk mereka mara dan berjaya dalam bidang sukan.

PENUTUP

15. Akhir kata, saya ucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan 2017, hayati dan syukuri nikmat kesejahteraan kehidupan di negara kita, tanah kita, bumi kita. Semaikan dalam diri semangat sayangkan negara, timbulkan kecintaan pada tanah air, Malaysia yang harmoni dan sejahtera.

*Indah berseri cincin delima,
Bertatah permata elok dipakai,
Malaysia kini 60 tahun merdeka,
Negara gemilang, aman dan damai.*

Sekian, *Wabillahi Taufiq Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Terima kasih.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

BULAN KEBAJIKAN NEGARA DISAMBUT 10 SEPTEMBER HINGGA 1 OKTOBER 2017

PUTRAJAYA , 22 OGOS - “Memperkukuh Inklusiviti Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat” telah dipilih sebagai tema sambutan Bulan Kebajikan Negara yang dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bermula pada 10 September hingga 1 Oktober tahun ini. Tema tersebut membawa maksud kerjasama multisektoral dan kolaborasi strategik semua pihak termasuk agensi kerajaan, agensi swasta, syarikat korporat, badan bukan kerajaan mahupun orang perseorangan dalam menyumbang kreativiti, fasiliti, idea, barang keperluan dan sebagainya kepada kumpulan sasaran Jabatan dan Kementerian.

Objektif utama Sambutan Bulan Kebajikan Negara 2017 diadakan bagi merai dan mengiktiraf sumbangan yang telah diberikan kepada kumpulan sasaran oleh pelbagai pihak termasuk syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan dan orang perseorangan, mengeratkan hubungan intergenerasi dan mewujudkan masyarakat penyayang serta memupuk sikap prihatin masyarakat.

YB Dato’ Sri Rohani berkata, “Sambutan Bulan Kebajikan Negara yang akan diadakan ini diharap akan memberi rangsangan kepada kumpulan sasaran untuk memperkasa jati diri bagi tujuan pembangunan modal insan yang mampan dalam kapasiti menyeluruh penglibatan semua agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Program ini juga amat bertepatan dengan lima (5) teras utama JKM iaitu perlindungan, pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian.

Pelbagai pengisian telah dirancang sempena sambutan ini termasuklah pameran dan jualan produk-produk Orang Kurang Upaya (OKU) dan Warga Emas, Program Ziarah Kasih, Kempen Sahabat B.I.J.A.K *Self and Protect*, Penyampaian Bantuan Alat Tiruan, Kempen Pendaftaran TASKA dan acara kemuncak merupakan penyampaian anugerah sebagai menghargai pencapaian dan sumbangan kumpulan sasaran Jabatan yang telah

dikenalpasti seperti Anugerah Khas OKU, Anugerah Khas Paralimpik, Anugerah Pingat Hang Tuah, Anugerah Majikan Prihatin dan Anugerah Warga Emas.

Majlis Pra Pelancaran Sambutan Bulan Kebajikan Negara akan diadakan pada 10 September 2017 dengan disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Diraja Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia di Sekolah Menengah Khir Johari, Bagan Datuk, Perak manakala YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia akan menyempurnakan Majlis Perasmian di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Bangi, Selangor pada 1 Oktober 2017.

Pada hari ini turut diadakan Majlis Perhimpunan Bulanan warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bilangan 2/2017 dengan pelbagai pengisian seperti sambutan Bulan Kebangsaan, penyampaian Anugerah Pekerja Contoh kepada warga Kementerian yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang, pelancaran InfoJKM dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Menulis Cerpen.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Encik Azman bin Mohd. Yusof, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), KPWKM, YBrs. Dr. Waitchalla a/p R.R.V Suppiah, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KPWKM, pegawai-pegawai kanan kementerian, jabatan dan agensi serta kira-kira 300 orang pegawai dan kakitangan KPWKM.

Dikeluarkan oleh

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat